

ADA 4919

KESANTUNAN BERBAHASA :  
KAJIAN KES DALAM INTERAKSI VERBAL  
DI KALANGAN PENGAJAR-PENGAJAR JEPUN

ZAINOL ABIDIN BIN KASIM

TELAH DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA BAHASA MODEN

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

MEI 2003



## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	i - ii
ABSTRAK	iii - v
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Kesantunan Berbahasa Secara Umum	2 - 5
1.2 Latarbelakang Ambang Asuhan Jepun(AAJ)	5 - 6
1.3 Mesyuarat di AAJ	6 - 10
1.3.1 Latarbelakang Mesyuarat	
1.3.1.1 Jenis-jenis Mesyuarat	
1.3.1.2 Tujuan Mesyuarat	
1.4 Tujuan kajian	10
1.5 Metodologi kajian	11 - 13
1.6 Kepentingan Kajian	14 - 15
1.7 Batasan Kajian	15
1.8 Permasalahan Transkripsi	18 - 20
<b>BAB 2: KERANGKA TEORI</b>	
2.0 Pendahuluan	21
2.1 Prinsip Kesopanan Leech	22 - 25
2.2 Permasalahan kajian	25 - 33
2.3 Strategi Kesopanan	33 - 36

### **BAB 3: ANALISIS DATA**

3.0	Pendahuluan	37-38
3.1	Strategi kesopanan	38
3.2	Strategi kesopanan maksim santun	39 - 46
3.3	Strategi kesopanan maksim kedermawanan	47 - 49
3.4	Strategi kesopanan maksim sokongan	50 - 54
3.5	Strategi kesopanan maksim kerendahan hati	54 - 59
3.6	Strategi kesopanan maksim persetujuan	59 - 63
3.7	Strategi kesopanan maksim simpati	64 - 66
3.8	Strategi kesopanan menerusi penggunaan aizuchi	67 - 72

### **BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN KESIMPULAN**

4.0	Pendahuluan	73
4.1	Dapatan kajian	73 - 75
4.2	Kesimpulan dan Implikasi	79 - 80
4.3	Cadangan kajian masa depan	80 - 81

BIBLIOGRAFI

TRANSKRIPSI

## PENGHARGAAN

Kalau belajar di negara Jepun  
Pelajarilah etika pembetulan diri  
Sentiasa kita amalkan bersantun  
Beri penghargaan kepada yang berbudi

Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam kerja-kerja penulisan disertasi saya dan juga mereka yang memberi ilmu sarjana bahasa yang amat berguna bukan saja untuk bekalan ilmu di dada tetapi yang lebih penting untuk menyebarkannya kepada pelajar-pelajar yang memerlukan dan juga untuk amalan seharian.

Kesempatan yang utama ialah ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia disertasi saya iaitu Prof Datin Dr. Hajjah Jamaliah Mohd. Ali yang telah bertungkus-lumus memberi teguran dan cadangan yang membina di dalam menyiapkan disertasi ini. Juga tidak dilupakan ucapan setinggi-tinggi penghargaan khusus ditujukan kepada Prof. Dr. Choi Kim Yok, Prof Madya Dr. Maya David Khemlani, Dr. Kamila Ghazali, En. Ong Shyi Nian, En. Abdul Ghafar Abdulah dan Cik Salmizah Samsudin samada memberi sokongan moral, pengajaran, perbincangan bahan-bahan bengkel dan juga idea-idea yang bermas untuk menyiapkan disertasi saya ini.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bekas Pengarah Pusat Asasi Sains, Prof Madya Mohd Said Mohd Kadis, pengajar-pengajar bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun yang telah memberi kerjasama dan sumbangan yang amat bernilai di dalam menyiapkan disertasi ini. Antaranya ialah Cik Kumiko Date, Cik Michio Mori, Cik Kayo Satou, Encik Atsushi Ogura, Encik Uematsu dan Encik Eiji Oomori.

Kepada rakan-rakan yang sama-sama memberi galakan dan dorongan di dalam menyiapkan disertasi ini saya mengucapkan terima kasih daun keladi. Kepada anak saya iaitu Dzarif Faizal dan isteri saya Che Zalina, sesungguhnya inspirasi mereka secara tidak langsung telah menjadi penyuntik semangat kajian ini.

Walaupun kerja-kerja penulisan disertasi ini masih lagi terdapat beberapa perkara yang perlu dimasukkan, Insyaallah jika diberi peluang saya akan meneruskan kajian ini dengan lebih terperinci lagi di masa akan datang. Silalah memberi nasihat, teguran dan cadangan yang membina demi melahirkan satu kajian kesantunan bahasa yang lebih mantap dan berkesan.

Zainol Abidin Kasim

Universiti Malaya

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian pragmatik yang bertumpukan penganalisaan ungkapan-ungkapan kesantunan berbahasa di dalam interaksi verbal di kalangan orang-orang Jepun. Pengguna-pengguna bahasa Jepun yang difokuskan di dalam kajian ini ialah tenaga-tenaga pengajar dari Jepun yang mengajar di Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya.

Data dalam kajian ini diperoleh daripada hasil soal-selidik melalui rakaman, catatan dan pemerhatian semasa mesyuarat bersama tenaga pengajar Jepun sewaktu bertugas bersama-sama dengan mereka. Perspektif yang diambil dalam kajian ini adalah berasaskan kajian sarjana bahasa yang berkaitan iaitu Leech dan juga kajian sarjana bahasa Osamu Mizutani. Kajian yang dijalankan oleh mereka diterapgunakan demi memberi tumpuan kepada strategi kesopanan berbahasa khususnya penggunaan bahasa secara interaksi verbal.

Pada peringkat awal, penulis menyentuh sepintas lalu tentang kajian di atas. Ia merangkumi pernyataan masalah, tujuan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Konsep yang diterapkan di dalam kajian ini berdasarkan prinsip kesopanan Leech(1983). Kaedah yang dipilih dan digunakan ialah kaedah kualitatif dan tumpuan utama kepada strategi kesopanan berdasarkan petunjuk maksim Leech.

Hasil dapatan kajian dan kesimpulan kajian ini memperlihatkan bahawa penutur-penutur Jepun banyak menggunakan unsur-unsur kesopanan dalam interaksi mereka. Ini dapat dilihat melalui strategi-strategi kesopanan digunakan.

## ABSTRACT

This study is a pragmatic study which focuses on linguistic politeness and conversational styles of native speaker of Japanese in their verbal interactions. The Japanese speakers in this study comprise the teaching staff from Japan in Ambang Asuhan Jepun, Pusat Asasi Sains, University Malaya.

The data for this study is collected from recordings, field notes and observations taken during staff meeting. The perspectives adopted in this study are based on the studies of relevant linguistic scholars such as Leech and the works of Osamu Mizutani. The studies conducted by them were adapted to give importance to linguistic politeness especially the usage of language in verbal interaction.

The first part describes several aspects of the study which include the statement of the problem, purpose of study and the significance and limitations of the study. The theoretical concept that is adopted in this study is the Principles of Politeness and the concept of humbleness based on Leech (1983). The study focuses on the politeness strategies, based on maxim Leech. The analysis is qualitative.

The results of this study, indicate that the Japanese speakers are cooperative and use politeness strategies throughout their interactions.